



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENINGKATAN KEFAHAMAN PUISI KLASIK CINA TERHADAP MURID TINGKATAN DUA DENGAN TEKNIK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIM WEN QIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENINGKATAN KEFAHAMAN PUISI KLASIK CINA TERHADAP MURID
TINGKATAN DUA DENGAN TEKNIK TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI
(TMK)**

SIM WEN QIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...28...(hari bulan).....12..... (bulan) 2022....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SIM WEN QIN, M20211001157, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MENINGKATAN KEFAHAMAN PUISI KLASIK CINA TERHADAP MURID TINGKATAN DUA DENGAN TEKNIK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. RAMLI BIN SAADON (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MENINGKATAN KEFAHAMAN PUISI KLASIK CINA TERHADAP MURID TINGKATAN DUA DENGAN TEKNIK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PEDAGOGI) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28/12/2022
Tarikh

Prof. Madya Dr. Ramli b. Saadon
 Tandatangan Penyelia
 Jabatan Pengajian Pendidikan
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjung Malim, Perak
 Darul Ridzuan





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MENINGKATAN KEFAHAMAN PUSSI KLASIK CINA TERHADAP
MURID TINGKATAN DUA DENGAN TEKNIK TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

No. Matrik / Matic's No.: M20211001157

Saya / I: SIM WEN QIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 28/12/2022

Prof. Dr. Rani binti Saadon
 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
 & (Name & Official Stamp)
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjung Malim, Perak
 Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkaitan organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Kajian ini tidak akan sempurna dalam bentuk seperti ini tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Ramli bin Saadon selaku penasihat dan penyelia saya telah banyak membimbing dan menunjuk ajar saya dalam menyiapkan projek sarjana ini.

Seterusnya, pengkaji juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah banyak memberikan ilmu yang bernilai selama pengajian saya di universiti berkenaan dan kakitangan pejabat Fakulti Pembangunan Manusia yang sentiasa memberikan kerjasama.

Tidak lupa juga pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ayah dan bonda tersayang, En Sim Khong Chiat dan Pn Kuek Sai Yean serta suami saya En Lee Kok Jun yang sentiasa memberi sokongan, di samping tidak putus mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya segala jasa dan pengorbanan mereka daripada segi masa dan tenaga dalam memberi ruang kepada saya untuk menjalankan kajian saya tanpa sebarang halangan tidak mampu saya balas.

Akhir sekali, pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang banyak membantu saya sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Semoga disertai ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini satu kajian tindakan yang ditadbir secara korelasi dan menguasai eksperimen yang dijalankan berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap pengajaran dan pembelajaran puisi klasik Cina di sebuah sekolah menengah yang berada di daerah Johor Bahru, Johor. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada pengajaran teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran puisi klasik Cina dapat meningkatkan pemahaman murid tentang puisi klasik, merangsang minat murid untuk mempelajari puisi klasik, dan mengubah sikap belajar mereka. Kajian ini akan membuat pengajaran yang sesuai dan meningkatkan kaedah pengajaran puisi klasik berdasarkan situasi pembelajaran murid. Seramai 10 orang murid sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak berkelompok. Data kajian diperoleh menggunakan instrumen pengujian pemerhatian dan temu bual untuk melihat hubungan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dengan pencapaian murid dalam memahamkan perkataan puisi klasik Cina manakala instrumen senarai semak digunakan bagi tujuan melihat hubungan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dengan peningkatan pemahaman murid dalam puisi klasik Cina. Metodologi kajian ini, pengkaji menggunakan tiga jenis instrumen kajian dalam mengumpul data kajian ini iaitu kaedah pengujian, kaedah pemerhatian dan temu bual. Kesemua instrumen ini digunakan untuk melihat sejauh mana keberkesanannya teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran puisi klasik Cina untuk membantu murid dalam segi pemahaman perkataan dan meningkatkan minat murid terhadap puisi klasik Cina semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa berbandingkan sebelum guru menggunakan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran puisi klasik Cina Yu Gezi data menunjukkan murid lebih menumpukan perhatian dalam kelas dan mempunyai keupayaan terjemahan dan jawab soalan yang berkenaan dengan puisi klasik Cina Yu Gezi. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa faktor utama murid tidak memahami puisi klasik Cina kerana sikap murid diri sendiri Kesimpulannya, melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, pelajar lebih berminat dan mudah menguasai puisi klasik daripada segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Selain daripada puisi klasik, pelajar boleh menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam topik-topik yang sukar diingati atau kurang dikuasai semasa pembelajaran kendiri. Melalui cara belajar dalam keadaan yang menyeronokkan di samping dapat menguasai sesuatu topik dengan lebih mudah.

Kata kunci : *penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, puisi klasik Cina, pengetahuan*





IMPROVING THE UNDERSTANDING OF CLASSIC CHINESE POETRY FOR FORM TWO STUDENTS WITH INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) TECHNIQUES

ABSTRACT

This study is an action research that is administered in a correlational and controlled experiment conducted related to the use of information and communication technology (ICT) in the teaching and learning of classical Chinese poetry in a secondary school located in the Johor Bahru district, Johor. This study aims to find out whether the teaching of information and communication technology (ITC) techniques in the teaching of classical Chinese poetry can improve students' understanding of classical poetry, stimulate students' interest in learning classical poetry, and change their learning attitudes. This study will make appropriate teaching and improve the teaching method of classical poetry based on the student's learning situation. A total of 10 high school students in Johor Bahru district, Johor were selected as a study sample using the cluster random sampling method. Research data was obtained using observation and interview testing instruments to see the relationship between the use of information and communication technology (ICT) and student achievement in understanding the words of Chinese classical poetry, while a checklist instrument was used to see the relationship between the use of information and communication technology (ICT) and increased understanding student in classical Chinese poetry. In the methodology of this study, the researcher used three types of research instruments in collecting data for this study, namely the testing method, the observation method, and the interview method. All these instruments are used to see how effective information and communication technology (ICT) techniques are in teaching classical Chinese poetry to help students understand words and increase students' interest in classical Chinese poetry during the teaching and learning process. The results of the study show that compared to before the teacher used information and communication technology (ICT) in the process of teaching Yu Gezi's classical Chinese poetry, the data shows that students are more focused in class and could translate and answer questions related to Yu Gezi's classical Chinese poetry. The findings of the study also show that the main factor of students not understanding classical Chinese poetry is because of the student's own attitude. In conclusion, using information and communication technology, students are more interested and easily able to master classical poetry in terms of memorizing skills and fluency in reciting classical poetry. Apart from classical poetry, students can use information and communication technology in topics that are difficult to remember or are less mastered during self-study. Through learning in a fun environment while being able to master a topic more easily.

Keywords: *use of information and communication technology, Chinese classical poetry, knowledge*





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

xii

xiv

BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	2
1.2	Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran yang Lalu	4
1.3	Latar Belakang Kajian	6
1.4	Pernyataan Masalah	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Soalan Kajian	11
1.7	Kerangka Konseptual dan Kerangka Teoretikal Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	16





1.10	Definisi Istilah	17
1.10.1	Bahasa Cina	17
1.10.2	Puisi Klasik Cina	18
1.10.3	Kaedah Pengajaran Sedia Ada	19
1.10.4	Kaedah Penyelesaian Masalah	19
1.10.5	Kaedah Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	20
1.11	Rumusan	21
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	23
2.1	Kajian Mengenai Puisi Klasik Cina dalam Sukatan Pelajaran KBSM dan KSSM	24
2.2	Kajian Mengenai Kaedah Pengajaran Puisi Klasik Cina	25
2.3	Kajian Mengenai Kaedah Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	26
BAB 3	METODOLOGI	29
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	30
3.3	Instrumen	32
3.3.1	Kaedah Pengujian	33
3.3.2	Kaedah Pemerhatian	36
3.3.3	Kaedah Temu Bual	38
3.4	Kajian Rintis	40
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	41





3.5.1	Kajian Awal	44
3.5.2	Perancangan Pelaksanaan Tindakan	45
3.5.3	Pelaksanaan Tindakan	46
3.6	Kaedah Menganalisis Data	47
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	48
3.8	Isu Etika	49
3.9	Rumusan	49
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	51
4.1	Instrumen dalam Menjawab Persoalan Kajian	52
4.2	Dapatan Kajian	54
4.2.1	Data Kaedah Pengujian	54
4.2.2	Data Kaedah Pemerhatian	55
4.2.3	Data Kaedah Temu Bual	58
4.3	Analisis Data Persoalan Kajian	61
4.3.1	Analisis Pengujian Perbezaan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pro dalam Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	61
4.3.2	Analisis Perbezaan Prestasi Murid dengan Kaedah Pengajaran Tradisional Berbanding dengan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	64
4.3.3	Analisis Perubahan Persepsi Murid terhadap Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> Sebelum dan Selepas	67





**Pembelajaran dan Pengajaran dengan Teknik
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)**

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	70
5.1	Perbincangan	71
5.2	Implikasi Kajian	72
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	73
RUJUKAN		76
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Populasi Terpilih Mengikuti Kelas	31
3.3 Kriteria Pemarkahan Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	33
3.4 Kriteria Pemarkahan Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> (terjemahan)	34
3.5 Borang Senarai Semak Pemerhatian dalam Proses Pengajaran	37
3.6 Soalan Temu Bual	39
3.7 Kaedah Mengumpul Data dan Alat Mengumpul Data	42
4.1 Prestasi Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	54
4.2 Pengiraan Skor Borang Senarai Semak Pemerhatian Sebelum Guru Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Proses Pengajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	56
4.3 Pengiraan Skor Borang Senarai Semak Pemerhatian Selepas Guru Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Proses Pengajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	57





4.4	Transkrip Temu Bual mengenai Pembelajaran Proses Pengajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> Sebelum Guru Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	58
4.5	Transkrip Temu Bual mengenai Pembelajaran Proses Pengajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> Selepas Guru Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	59
4.6	Bilangan Murid Pencapaian dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	62
4.8	Bilangan Prestasi Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	64
4.12	Bilangan Murid Persepsi Sebelum dan Selepas Pembelajaran dan Pengajaran dengan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	67





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian Meningkatkan Kefahaman Puisi Klasik Cina terhadap Murid Tingkatan Dua dengan Teknik Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	13
3.2 Proses Pemilihan Sampel	32
3.8 Carta Alir Proses Pengumpulan Data sebelum Pengkaji Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap Murid Tingkatan Dua	43
3.9 Carta Alir Proses Pengumpulan Data selepas Pengkaji Menggunakan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap Murid Tingkatan Dua	44
4.7 Prestasi Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i>	63
4.9 Prestasi Murid dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> dalam Kelas	65
4.10 Peratusan Prestasi Murid dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> dalam Kelas Sebelum Pengkaji Menggunakan Teknik TMK	65
4.11 Peratusan Prestasi Murid dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Puisi Klasik Cina <i>Yu Gezi</i> dalam Kelas Selepas Pengkaji Menggunakan Teknik TMK	66
4.13 Persepsi Sebelum Pembelajaran dan Pengajaran dengan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	68





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

4.14 Persepsi Selepas Pembelajaran dan Pengajaran dengan Teknik
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) 69



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
TMK	Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- B Kertas Ujian Pra
- C Kertas Ujian Pos
- D Borang Pemerhatian
- E Soalan Temu Bual
- F Rancangan Pengajaran Harian bagi Teknik Pengajaran Tradisional
- G Rancangan Pengajaran Harian bagi Teknik Pengajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



Dalam bab satu, pengkaji menerangkan tentang kajian yang dilakukan. Ini termasuklah pendahuluan, refleksi pengajaran dan pembelajaran yang lalu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual dan kerangka teoretikal kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, serta definisi kajian terhadap kajian yang dijalankan. Ini memudahkan pembaca dan pengkaji mengetahui perjalanan terhadap kajian yang dijalankan. Secara ringkasnya, kajian tindakan ini adalah berkisar tentang meningkatkan kefahaman puisi klasik Cina terhadap murid Tingkatan Dua dengan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).



1.1 Pendahuluan

Penguasaan puisi klasik Cina sejak di bangku sekolah amat penting dalam pembentukan individu yang seimbang terutamanya daripada segi intelek dan rohani. Dalam pengajaran Bahasa Cina tingkatan menengah rendah, puisi klasik ialah bahagian yang amat penting dan sangat diperlukan.

Puisi klasik Cina merupakan sastera yang mempunyai bernalai makna dan mempunyai bahasa yang indah dan abstrak (Wiwit Handayati, Syahrul & Afnita, 2013).

Berdasarkan sasaran kursus Bahasa Cina Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Dua, murid harus menghayati puisi klasik, meningkatkan kepekaan ayat klasik, memupuk rasa bahasa yang baik, memperkaya pengumpulan bahasa, dan memahami pengetahuan asas puisi klasik selepas menamatkan pengajian Tingkatan Dua.

Selain itu, menurut fokus Kurikulum Standard Bahasa Cina menengah rendah, murid perlu lebih memberi tumpuan untuk memperkuuh kemahiran berbahasa yang dicapai pada peringkat Tahap II sekolah rendah ke tahap yang lebih tinggi. Bagi murid, puisi klasik Cina merupakan petikan yang agak asing dan susah bagi murid yang baru memasuki sekolah menengah. Para pendidik harus membimbingkan murid untuk memupuk kemampuan murid membaca puisi klasik Cina yang sederhana dan mudah, memahami isi karya dengan bantuan anotasi dan buku rujukan, sehingga mereka



mempunyai kemampuan untuk menterjemahkan ayat-ayat yang penting dan menghayati puisi klasik Cina tersebut. Di samping itu, murid harus dibimbing untuk memahami konotasi karya puisi klasik dan memahami pengetahuan budaya Tionghoa asas (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016A).

Daripada segi susun atur buku teks Tingkatan Dua Bahasa Cina, terdapat sepuluh unit dalam buku teks tersebut, ia termasuk 60 teks. Dalam buku teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan Dua, terdapat pelbagai puisi klasik Cina yang dikandungkan dan sekurang-kurangnya mempunyai satu puisi klasik Bahasa Cina dalam setiap unit. Hal ini bermakna pembelajaran puisi klasik Cina mempunyai peranan yang amat penting dalam sukatan pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Oleh itu, peningkatan kefahaman puisi klasik Cina amat penting kepada murid dan pendidik perlu menambahbaikkan kaedah pengajaran.

Kajian ini adalah untuk meneroka teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk membantu murid meningkatkan kefahaman mereka mengenai puisi klasik Cina. Dalam sampel kajian ini, terdiri daripada 10 orang murid Tingkatan Dua dari daerah Johor Bahru, Johor. Reka bentuk kajian akan menggunakan kajian tindakan, antaranya ialah kaedah pemerhatian dan kaedah pengujian untuk menganalisis dari dua aspek, iaitu kesan peningkatan kefahaman puisi klasik Cina terhadap murid Tingkatan Dua dengan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta kelebihan dan kekurangan teknik pengajaran tersebut.





1.2 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran yang Lalu

Pada tahun ini saya diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Cina Tingkatan 2. Kelas tersebut ialah kelas yang sederhana dan murid-muridnya berpotensi untuk mendapat gred A dalam Bahasa Cina. Sebagai seorang pendidik yang mengajar di dalam sebuah kelas yang mempunyai seramai 24 orang murid, menjadi masalah kepada saya untuk memberi bimbingan kepada semua murid yang mempunyai masalah mengenai puisi klasik Cina. Guru tidak dapat memberi fokus sepenuhnya kepada murid yang lemah kerana ini akan memperlambangkan perkembangan pengajaran.



pengajaran tradisi untuk menerangkan puisi klasik Cina tersebut dan mengajar mereka menghayati puisi klasik Cina. Selepas sesi pengajaran puisi klasik Cina tersebut, saya memberikan latihan bertulis secara individu dengan tidak membuat perbincangan kalangan saya dan murid. Apabila saya menyemak jawapan yang diberikan oleh murid-murid, saya dapati mereka hanya memperoleh markah antara 30% hingga 60% sahaja. Keputusan ini agak mengecewakan dan terdapat 7 orang murid saya yang tidak dapat menjawab semua soalan.

Pada pendapat saya, situasi ini tidak sepatutnya berlaku kepada kelas yang baik.

Pelbagai alasan yang diberikan oleh murid-murid apabila sesi perbincangan menjawab soalan puisi klasik Cina dijalankan bersama-sama dengan saya. Murid-murid sering





mengeluh apabila saya memberikan latihan puisi klasik Cina secara berulang-ulang. Hasil temu bual saya secara tidak formal dengan murid-murid, saya dapat kaedah yang saya gunakan kurang membantu serta membosankan murid-murid. Ini menyukarkan mereka menguasai maksud perkataan puisi klasik Cina dengan baik dan sebagai pendidikan saya akan cuba untuk menangani masalah ini.

Selain itu, waktu Bahasa Cina sentiasa diletakkan waktu terakhir iaitu dua masa atau 1 masa sebelum balik ke rumah, ini akan menyebabkan mereka merasa letih sebab waktu persekolahan sudah hampir tamat. Pada pendapat saya, sesi pengajaran dan pembelajaran subjek terus sepatutnya dijalankan pada permulaan waktu persekolahan. Ini disebabkan murid-murid masih segar dan mental serta fizikal mereka masih berada dalam keadaan bersedia untuk mempelajari ilmu baru.



Bukan itu sahaja, murid yang bersikap malu dan tidak berani mengemukakan soalan akan mengakibatkan mereka tidak memahami puisi klasik Cina yang telah diterangkan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif ini untuk mengetengahkan kajian bagi membantu murid-murid menguasai pemahaman puisi klasik Cina dan perkataan puisi klasik Cina yang kurang dikuasai oleh mereka. Isu utama dalam kajian yang akan saya jalankan adalah untuk membantu murid-murid meningkatkan kefahaman puisi klasik Cina serta menguasai perkataan puisi klasik Cina dengan menggunakan kaedah teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Kaedah alternatif ini diharapkan dapat membuka minda murid bahawa terdapat pelbagai cara penyelesaian dalam puisi klasik Cina.





1.3 Latar Belakang Kajian

Menurut kajian Gua (2000), puisi klasik Cina pertama adalah bermula pada Zaman Dinasti Chou Barat (西周) sehingga Zaman Chun Ciou (春秋). Puisi klasik Cina dimulakan dengan Shi Jing (诗经) yang mempunyai sebanyak 305 buah karya puisi klasik Cina. Puisi tersebut merupakan karya yang dikutip oleh rakyat dan tidak mengetahui nama pengarang. Puisi-puisi klasik Cina ini menggambarkan kehidupan, fikiran dan emosi pada masa zaman tersebut. Puisi klasik Cina dikembangkan sehingga kemuncak gemilang pada Zaman Dinasti Tang dan Zaman Dinasti Song. Pengarang pada zaman tersebut menjadi terkenal kerana keindahan bahasa dan nilai murni yang terdapat dalam puisi klasik Cina.



Puisi klasik Cina mempunyai peraturan struktur yang ditetapkan oleh golongan sarjana pada zaman dahulu. Dengan keprihatinan dan pengalaman dalam kehidupan mereka untuk mengkritik, memberi pendapat dan menyebarkan nilai moral dalam puisi klasik Cina, puisi-puisi klasik Cina tersebut masih diagung-agungkan oleh masyarakat Cina sehingga kini. Fikiran dan falsafah mereka telah menjadi pengajaran dan pedoman sejak zaman dahulu lagi. Malahan, banyak kata hikmah dalam puisi klasik Cina ini telah menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Bahasa Cina mahupun di sekolah rendah ataupun sekolah menengah di Malaysia.





Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggantikan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dengan pelaksanaan sukatan pelajaran baharu ini, murid perlu meningkatkan pembelajaran daripada segi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Untuk menapaikan matlamat sukatan pelajaran baharu ini, penambahbaikan pemahaman perkataan dalam puisi klasik Bahasa Cina adalah amat penting.

Kebanyakan guru Bahasa Cina menghadapikekangan semasa mengajar puisi klasik Cina. Menurut kajian He, X. M. (2015), menyatakan sebanyak 80 peratus guru Bahasa Cina masih menggunakan strategi pengajaran kaedah menyelesaikan masalah semasa mengajar puisi klasik Cina. Murid hanya mendengar penerangan guru dan menghafal sahaja, ini menyebabkan murid tidak memahami perkataan puisi klasik Cina tersebut juga menyebabkan mereka tidak berminat dengan pembelajaran. Dengan ini, para pendidik memerlukan pelbagai pendekatan bagi menarik minat murid dalam pembelajaran puisi klasik Cina. Bukan itu sahaja, menurut kajian Zhang, J. X. (2021), beliau menyatakan kebanyakan murid kurang berminat terhadap puisi klasik Cina kerana kebanyakan pendidik mengajar murid untuk menghafal sahaja tanpa memahami gambaran dan menghayati puisi klasik Cina.

Dalam kajian Tiew Synman dan Lee Leh Hong (2019), seseorang pendidik yang kreatif boleh memotivasi murid dalam proses pembelajaran. Justeru, para pendidik





harus menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai agar murid dapat menguasai dan meningkatkan kefahaman puisi klasik Cina dengan lancar.

Selain itu, melalui kajian yang dilakukan oleh Lee Kim Hong (2010) turut menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi murid kurang meminati puisi klasik Cina. Murid lebih tertarik dengan sumber-sumber hiburan lain berbanding dengan bahan bacaan. Ibu bapa juga tidak memainkan peranan untuk menggalakkan anak membaca bahan bacaan dan kekurangan pendedahan tentang sastera dan peluang pekerjaan yang berkaitan. Bukan itu sahaja, beliau juga menyatakan bahawa pengajaran guru juga merupakan aspek yang penting dalam puisi klasik Cina. Para pendidik yang mengajar dengan baik, pencapaian dan sikap murid akan berubah.

Oleh itu, para pendidik memainkan peranan yang penting, mereka harus membentuk minat murid dengan meningkatkan kaedah pengajaran yang lebih berkesan.

Kesimpulannya, meningkatkan kefahaman puisi klasik Cina terhadap murid Tingkatan Dua adalah amat diperlukan di kalangan murid yang bermasalah pembelajaran puisi klasik Cina.





1.4 Pernyataan Masalah

Pengkaji mendapati bahawa murid pada zaman moden ini kurang berminat untuk belajar puisi klasik Cina. Mereka beranggapan bahawa tiada kegunaan untuk selepas mempelajari puisi klasik Cina. Mengikut kajian Pan Yan (2014), terdapat banyak ilmu pengetahuan dan nilai murni dalam puisi-puisi yang dapat diterapkan kepada murid dan mereka boleh mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka. Malangnya, penguasaan puisi klasik Cina dalam kalangan murid adalah lemah.

Namun demikian, pengkaji mendapati bahawa tidak banyak kajian tentang puisi klasik Cina dijalankan dalam Malaysia. Menurut kajian Wang Yang (2017), beliau menyatakan bahawa banyak ilmu dalam bidang tatacara menyelesaikan hubungan interpersonal sesama manusia dalam puisi klasik Cina. Jika kita tidak mempelajari puisi klasik, kita tidak akan menguasai cara pemikiran penyajak yang beroptimis ketika menghadapi rintangan dalam kehidupan. Selain itu, nilai-nilai estetika yang terkandung dalam puisi klasik juga tidak dapat dikuasai jika tidak mempelajari puisi klasik Cina.

Memandangkan pembelajaran puisi klasik Cina adalah sangat penting, kajian ini akan mengkaji dengan menggunakan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) akan meningkatkan kefahaman puisi klasik Cina terhadap murid Tingkatan Dua.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada menggunakan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran puisi klasik Cina dapat meningkatkan kefahaman murid tentang puisi klasik Cina, merangsang minat murid untuk mempelajari puisi klasik, dan mengubah sikap belajar mereka. Kajian ini akan membuat pengajaran yang sesuai dan meningkatkan kaedah pengajaran puisi klasik berdasarkan situasi pembelajaran murid. Dalam kajian ini terdapat beberapa objektif yang ingin dilihat, antara objektif utama kajian ini di lakukan adalah untuk:

1. Melalui teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat meningkatkan pencapaian murid untuk pemahaman perkataan dalam puisi klasik Cina.
2. Dapat menentukan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang sesuai untuk meningkatkan prestasi murid dalam puisi klasik Cina.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan murid berminat mempelajari puisi klasik Cina dengan menggunakan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Demi mencapai objektif kajian seperti yang di senarai di atas, soalan-soalan kajian seperti berikut perlu dijawab melalui kajian ini.





1.6 Soalan Kajian

Melalui kajian ini, soalan-soalan kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat beberapa persoalan kajian. Antaranya soalan-soalan kajian yang perlu dijawab melalui kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat meningkatkan pencapaian murid dalam memahamkan perkataan puisi klasik Cina.
2. Apakah perbezaan terhadap prestasi murid dalam puisi klasik Cina dengan menggunakan kaedah pengajaran tradisional berbanding dengan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).
3. Apakah terhadap perubahan persepsi murid terhadap puisi klasik Cina setelah pembelajaran pengajaran dengan teknik penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Dengan menjawab empat soalan kajian seperti yang di senarai di atas, kajian ini dijangka mempunyai kerangka konseptual dan kerangka teoretikal kajian seperti berikut.






1.7 Kerangka Konseptual dan Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka konseptual dan kerangka teoretikal kajian merupakan satu garis panduan yang digunakan dalam setiap kajian. Pengkaji merangka kerangka kajian yang berstruktur akan mempermudah untuk mendapat keseluruhan gambaran dalam satu kajian. Kerangka kajian ini juga akan membantu pengkaji mengesan hubungan antara aliran teori dan pengetahuan serta memberikan pandangan terhadap idea yang dilontarkan.

Dalam kajian ini, kerangka kajian adalah bertujuan untuk membantu bagi menjalankan proses penyelidikan dengan lebih lancar. Kajian ini akan menggunakan gabungan antara teori motivasi dan model TAM (*Technology Acceptance Model*).

Rajah 1.1 berikut merupakan kerangka konseptual kajian ini.





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian Meningkatkan Kefahaman Puisi Klasik Cina terhadap Murid Tingkatan Dua dengan Teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Dalam kerangka konseptual dan kerangka teoretikal kajian ini, berlandaskan kepada Model Penerimaan Teknologi atau ia lebih dikenali sebagai Model TAM



(*Technology Acceptance Model*) bagi teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan Teori Motivasi. Kajian ini menghubungkaitkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan motivasi pendidik melalui persediaan terhadap menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini sangat penting dan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat di dalam bidang pendidikan. Para pendidik seharusnya menguasai teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.

Pertama, hasil kajian ini akan menjadikan panduan dan satu penanda aras kepada para pendidik khasnya yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah, universiti ataupun di mana-mana institusi pengkajian pendidikan. Selain itu, hasil kajian dapat membantu dalam segi perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan menambahbaikkan kaedah mengajar. Pendidik tidak lagi bergantung dengan kaedah pengajaran sedia ada yang bersifat input sehala sahaja, seperti kaedah penyelesaian masalah dalam mengajarkan mereka. Sebaliknya, para pendidik perlu menerapkan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran





mereka. Justeru itu, ini akan meyakinkan lagi para pendidik dengan menerapkan pelbagai teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dalam aktiviti pengajaran mereka.

Seterusnya, hasil kajian ini dapat meningkatkan merangsang minat murid untuk mempelajari puisi klasik Cina. Dengan ini, pengkaji percaya bahawa menggunakan teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran, pendidik dapat menarik perhatian mereka dan lebih mudah memahami gambaran puisi klasik. Dengan ini, para murid akan dimanfaatkan dalam pembelajaran mereka dan dapat menguasai puisi klasik Cina secara mendalam.



Akhir sekali, hasil kajian dapat membantu dan memberi paduan dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum di peringkat Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka boleh melaksanakan untuk proses semakan buku teks daripada segi pengubah kurikulum. Bukan itu sahaja, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dapat mengenal pasti pembentukan struktur kurikulum yang tepat dan berkaitan kepada para pendidik dan murid di sekolah pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, kajian ini penting kerana dapat membantu para pendidik daripada segi pengajaran dan murid akan menambahbaikkan pemahaman perkataan mereka dalam puisi klasik Cina.





1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa batasan dan limitasi seperti berikut.

Kajian yang dijalankan adalah terbatas. Pengkaji tidak dapat mengajikan kajian ini dengan besaran dan sampel kajian ini hanya terhad di sebuah sekolah menengah yang berada di daerah Johor Bahru, Johor sahaja dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah pengujian. Selain itu, pensampelan kajian dalam kajian ini hanya melibatkan 10 orang murid. Kajian ini tidak dapat meliputi seluruh sekolah menengah di Malaysia.



Selain itu, semasa menjalankan kajian ini, masa yang terhad juga merupakan salah satu batasan. Masa dalam kajian ini sangat terhad jadi kajian ini hanya melibatkan kajian sampel yang terhad. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini pengkaji hanya mengumpulkan data melalui kaedah pengujian, pemerhatian dan temu bual sahaja. Pemerhatian ini juga dilakukan semasa waktu persekolahan aktiviti pembelajaran dalam kelas Bahasa Cina dan tidak dilakukan sepanjang murid berada di sekolah.





1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini akan menerangkan konsep beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

1.10.1 Bahasa Cina

Dalam konteks Malaysia, istilah Bahasa Cina (Mandarin) atau *Hua Yu* (华语)

merujukkan kepada bahasa pengantar yang dituturkan oleh bangsa Cina di Malaysia.

Namun, sekarang di Malaysia bukan bangsa Cina sahaja boleh bertutur dalam Bahasa Cina, malahan bangsa lain juga pandai bertutur dalam Bahasa Cina.

Dalam sistem pendidikan Malaysia, istilah *Hua Yu* (华语) telah dibezakan dengan *Hua Wen* (华文). Istilah *Hua Yu* (华语) adalah merujukkan kepada kandungan yang lebih menitikberatkan dari aspek kemahiran bertutur ataupun lisan. Manakala *Hua Wen* (华文) telah digunakan untuk merujukkan kepada mata pelajaran Bahasa Cina dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah yang sukatan pelajarannya adalah berteraskan dengan tulisan askar Cina.





Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar yang dituturkan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Bahasa Cina ataupun menyatakan mata pelajaran Bahasa Cina.

1.10.2 Puisi Klasik Cina

Pendidikan Cina di Malaysia mengikuti jejak pembacaan puisi di negara China sejak di peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Berdasarkan Kamus Dewan, puisi didefinisikan sebagai karangan yang berbentuk sajak, puisi dapat menggambarkan satu kisah. Manakala, kamus dewan mendefinisikan klasik sebagai bersinonim dengan perkataan tradisional iaitu mengikut tradisi.

Berdasarkan definisi puisi dan klasik yang disebutkan di atas, puisi klasik merupakan puisi-puisi lama yang dihasilkan pada Zaman Dinasti Chou Barat sehingga Zaman Dinasti Song, tetapi dalam sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), kebanyakan puisi klasik Cina dipilih daripada Zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song. Puisi klasik mempunyai puisi yang berformat lima atau tujuh perkataan dalam empat ayat atau lapan ayat (五言绝律或七言绝律). Selain itu, terdapat juga puisi purba (诗歌) yang tidak mempunyai bilangan ayat yang tetap.





Dalam kajian ini, pengkaji menggolongkan semua jenis puisi ini sebagai puisi klasik Cina.

1.10.3 Kaedah Pengajaran Sedia Ada

Merujuk buku penerangan kurikulum standard sekolah menengah (KSSM), antara kaedah untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah yang sedia ialah kaedah didik hibur, kaedah penyelesaian masalah, kaedah pembelajaran berdasarkan projek, kaedah pembelajaran koperatif, kaedah pendekatan inkuiri, kaedah pembelajaran luar bilik darjah, kaedah pengajaran bertema dan kaedah pendekatan STEM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016B).

1.10.4 Kaedah Penyelesaian Masalah

Kaedah penyelesaian masalah merupakan salah satu kaedah pengajaran sedia ada. Kaedah ini akan dirancang oleh para pendidik untuk menghasilkan proses mengerjakan ke arah pemahaman dan penyelesaian. Para pendidik akan memberikan soalan atau tugasan kepada murid dan membimbing mereka untuk mengenal pasti dan memahami masalah. Para pendidik perlu memastikan murid dapat menyelesaikan masalah. Dengan





kaedah pengajaran ini, murid dapat mempelajari menyelesaikan masalah dengan pelbagai pengalaman pembelajaran.

1.10.5 Kaedah Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Menurut kajian yang dilakukan oleh Norazilawati Abdullah (2020), beliau menyatakan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ialah penggunaan teknologi elektronik seperti rakaman audio, video, komputer bagi menyampaikan maklumat dan menyebar melalui alat perhubungan moden seperti audio, internet, video bersemuka

dan gambar sewaktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas.

Dalam kajian ini, teknik teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) melibatkan penggunaan peralatan seperti televisyen, radio, komputer riba, telefon bimbit, tablet, *liquid crystal display* (LCD) dan skrin layar. Manakala perisian pula terdiri daripada *Microsoft PowerPoint*, *Microsoft Word* yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Perisian digunakan dalam pembelajaran secara interaktif dalam kajian ini pula terdiri daripada penggunaan dalam talian seperti *Google Classroom*, *YouTube*, *Padlet*, *Quizizz*, *Wordwall*, *Liveworksheets* yang boleh digunakan secara bersemuka ataupun pembelajaran atas talian dengan mengikuti persekitaran pembelajaran yang bersesuaian.





Selain itu, Johnson Savarimuthu (2004) menyatakan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) boleh memperlengkapkan pengajaran pendidik dan akan membantu murid dalam proses pembelajaran. Murid akan menjadi lagi mantap dan matlamat objektif pembelajaran akan lebih mudah dicapai. Dengan ini, matlamat Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengukuhkan penggunaan teknik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Dengan ini, kajian Nordin Mamat dan Roslee Mohamad (2003) turut menyatakan terdapat 47 orang guru dari enam buah sekolah menengah di daerah Pasir

Puteh, Kelantan, semua adalah menyetujukan berminat dalam penggunaan teknik

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran di sekolah. Di samping itu, semua guru turut bersetuju bahawa penggunaan komputer dapat membantu para pendidik dalam pengajaran di sekolah.

1.11 Rumusan

Bahagian ini telah menerangkan dan menghuraikan tentang konsep beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Latar belakang kajian telah dihuraikan dan diikuti dengan pendahuluan, refleksi pengajaran dan pembelajaran yang lalu, latar





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

22

belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual dan kerangka teoretikal kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, serta definisi kajian terhadap kajian yang dijalankan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi